

SULIT

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN
MALEK [KUALA PILAH]**

NO. SOALAN : 246

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan apakah usaha yang
dilakukan bagi memastikan graduan daripada
Institusi-institusi Pengajian MARA (IPMA)
berkebolehan dan berpengetahuan didalam bidang
keusahawanan setelah mereka bergraduasi kelak
serta bantuan sokongan yang diberikan kepada
mereka.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Adalah menjadi dasar pendidikan MARA untuk melahirkan graduan yang kompeten, profesional serta menceburi bidang keusahawanan apabila menamatkan pengajian. Antara usaha dan sokongan yang telah dilaksanakan bagi memastikan graduan daripada Institusi Pendidikan MARA (IPMa) berkebolehan dan berpengetahuan dalam bidang keusahawanan ialah :

- i. Memperkasa silibus keusahawanan dalam kurikulum pengajian bagi semua Institusi Pendidikan MARA (IPMa) menerusi Model Pendidikan Keusahawanan. Melalui model ini, pendekatan pembelajaran secara 'socialize learning concept' digunakan iaitu pelajar akan mengikuti proses pembelajaran keusahawanan secara terus dengan melibatkan diri secara aktif sebagai usahawan berdasarkan bidang kemahiran.

SULIT

- ii. Program inkubator dilaksanakan bagi memberi peluang kepada pelajar meluaskan perniagaannya.
- iii. MARA mewujudkan Jaringan Usahawan Teknikal MARA sebagai platform kepada usahawan baru di IPMa berkomunikasi dan mewujudkan jalinan kerjasama strategik antara usahawan dalam kalangan lepasan pelajar IPMa yang telah berjaya dalam bidang perniagaan.
- iv. MARA telah memperkenalkan program Diploma Teknousahawan melalui kaedah Technoprenuer Based Education (TBE). Melalui program ini, pelajar akan dilatih dan dibimbing untuk menjadi usahawan dalam bidang perabot dan fabrik. Pengajian yang ditawarkan adalah *flexible* iaitu latihan amali (80%) dan teori (20%). Program ini dijangka dapat melahirkan usahawan perabot dan fabrik yang berdaya saing serta berpendapatan tinggi. Setakat ini,

SULIT

seramai 41 orang pelajar yang sedang mengikuti program Diploma Teknousahawan di IKM Alor Setar.

- v. Pihak MARA telah menjalinkan kerjasama strategik dengan pihak MDEC dalam membantu meningkatkan peluang pendapatan pelajar di IPMa melalui keusahawanan digital (e-Usahawan).

Bantuan sokongan turut diberikan oleh MARA melalui program Pembangunan Keusahawanan IPMa bagi membangunkan usahawan dalam kalangan pelajar IPMa. Sehingga Disember 2016, seramai 836 orang usahawan telah dilahirkan menerusi program STAR dan PUTRA.

Dari RMKe-9 hingga RMKe-10, GiatMARA telah melahirkan seramai 11,582 orang usahawan teknopreneur dari kalangan lepasan pelatih GiatMARA dalam pelbagai bidang melalui beberapa program keusahawanan yang dilaksanakan di

SULIT

GiatMARA seperti Latihan Menjana Pendapatan (LMP), Inkubator, Usahawan Bergerak (Mobilepreneur) dan Rintis Niaga.

Berdasarkan Kajian Penilaian Outcome (KPO) Bagi Program Inkubator GiatMARA 2015 yang melibatkan 599 responden, didapati purata pendapatan pelatih yang menjadi usahawan adalah sebanyak RM3,500.00.

Melalui usaha berterusan ini akan membantu melahirkan modal insan berkualiti dan mempunyai nilai-nilai keusahawanan yang menjadi pemangkin dan penggerak kepada transformasi ekonomi negara ke arah negara berpendapatan tinggi berpaksikan inovasi untuk mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.